

Kerajaan teliti laporan MyCC

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan meneliti laporan berkaitan penyalahgunaan Permit Import (AP) kubis seperti dinyatakan dalam Kajian Pasaran Sektor Makanan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata Kementerian juga masih meneliti laporan lain yang menyentuh isu pertanian dalam kajian dilakukan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebelum dapat mengambil sebarang tindakan susulan.

"Ada beberapa perkara yang perlu diperhalusi sebelum tindakan dibuat. Namun, kami sambung baik semua pandangan dibang-

kitkan dalam kajian itu. Jika ada tindakan lanjut termasuk penambahan, kami akan unumkan nanti," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

MyCC dalam kajian itu mendapati wujud unsur penyalahgunaan AP untuk mengimport kubis bulat sehingga menimbulkan persaingan dan menyebabkan harga sayur meningkat.

Laporan itu menyatakan ada pengimport terpaksa menggunakan AP orang lain untuk membawa masuk kubis bulat sehingga menyebabkan harganya

naik. Sehubungan itu, MyCC mencadangkan pemantauan rapi ter-

hadap proses selepas pemberian AP bagi memastikan terdapat pilihan kepada pengguna dan mewujudkan harga yang kompetitif bagi kubis bulat di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Ismail Nasution berkata, beliau akan membentangkan hasil kajian MyCC kepada Jemaah Menteri untuk ditincangkan dan menentukan tindakan susulan perlu diambil.

Kajian itu membabitkan lima barangan terpilih iaitu kubis, sawi, daging lembu, ikan kembung dan susu formula bayi yang dijalankan sejak November 2018.



Ada beberapa perkara yang perlu diperhalusi sebelum tindakan dibuat.

Salahuddin Ayub,
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani